# BUKU PAP SIRI 1, SIRI 2.1, SIRI 2.2 & SIRI 2.3




PAP Siri 2 Edisi 1@2016
**20 reka bentuk**




PAP Siri 2 Edisi 3 @ 2018
**30 reka bentuk**

PAP Siri 1 @ 2015
**100 reka bentuk**




PAP Siri 2 Edisi 2@2017
**30 reka bentuk**




## JUMLAH KESELURUHAN REKA BENTUK
## 180 REKA BENTUK

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

CAWANGAN ARKITEK

JKR

# Siri Edukatif PAP

Memaparkan maklumat ringkas berkenaan PAP iaitu Pre-Approved Plans atau lukisan

**Reka bentuk** bangunan **yang tersedia** dan lengkap dengan input senibina, struktur, mekanikal, elektrikal dan ukur bahan **yang menepati keperluan teknikal dan perundangan kerajaan selaras dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).**



Siri Edukatif Cawangan Arkitek, Jabatan Kerja Raya Malaysia kali ini memaparkan infografik berkenaan PAP. PAP (Pre-Approved Plans) atau lukisan Reka bentuk bangunan siap tersedia yang lengkap dengan input senibina, struktur, mekanikal, elektrikal dan ukur bahan yang menepati keperluan teknikal dan perundangan kerajaan selaras dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

; Physical Works No : 10.7.1 Silt Fence serta lukisan kerja Environmental Protection And Enhancement Works yang dikeluarkan oleh JKR.Dipaparkan infografik SILT FENCE  untuk perkongsian bersama. Teruskan bersama kami.

JKR- SENTIASA BERSAMA ANDA

# OBJEKTIF

1. **Memberi pilihan** dan **alternatif reka bentuk bangunan** yang telah tersedia dan melalui proses pematuhan kehendak pihak berkuasa tempatan

2. **Memendekkan masa** dalam proses perancangan dan **reka bentuk** projek

3. **Menjimatkan kos** dengan pelaksanaan secara konvensional dalaman



# Penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan dibawah bidang Perolehan Kerajaan (PK)1.5

PK 1.5

KERAJAAN MALAYSIA

**PELAKSANAAN *PRE-APPROVED PLAN* (PAP) DALAM PROJEK KERAJAAN**

(Kuat Kuasa Pada 15 Januari 2020)

1.3.1 Semua agensi Kerajaan hendaklah menggunakan PAP sama ada pelaksanaan oleh Jabatan Teknik melalui AP182 atau projek yang diberikan pengecualian di bawah AP182. Syarat ini adalah mandatori untuk dipatuhi oleh semua agensi kerajaan.

1.3.2 Semua projek yang menggunakan reka bentuk PAP hendaklah diserahkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal (JKR dan JPS). Agensi Kerajaan tidak dibenarkan untuk melaksanakan sendiri dan perlu mendapatkan perkhidmatan Jabatan Teknikal (JKR dan JPS) dalam melaksanakan projek.

1.3.3 Agensi Kerajaan hendaklah mendapatkan maklumat asas reka bentuk daripada katalog PAP dan manual pengguna PAP serta membuat permohonan di laman web JKR melalui capaian http://pap.jkr.gov.my.

1.3.4 Pengecualian daripada melaksanakan kaedah PAP hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal untuk mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) sebelum pelawaan perolehan kerja dibuat.

- **PK1.5** PELAKSANAAN PRE-APPROVED PLAN (PAP) DALAM PROJEK KERAJAAN **(Kuat Kuasa Pada 15 Januari 2020)**
  - ✓ Semua agensi/ Jabatan Pelanggan **membuat rujukan** kepada katalog PAP bagi mempertingkatkan lagi penggunaan PAP didalam pelaksanaan projek AP182 & RP4 2020 RMKe 11 & RMKe 12.
  - ✓ **Memandatorikan** semua agensi kerajaan untuk menggunapakai rekabentuk PAP
  - ✓ Semua **projek PAP diserahkan** dan **dilaksanakan oleh JKR**
  - ✓ Memberi keutamaan kepada **fungsi bangunan** dan **mengelak reka bentuk bangunan yang mewah** dengan **kos yang tinggi**
  - ✓ Dapat **memendekkan masa** perancangan projek

| BIL | KATEGORI PAP | JUMLAH BILANGAN REKA BENTUK | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | SIRI 1 (2015) | SIRI 2.1 (2016) | SIRI 2.2 (2017) | SIRI 2.3 (2018) |
| 1 | KUARTERS | 24 | 1 | 5 | 9 |
| 2 | SEKOLAH | 7 | 1 | 4 | - |
| 3 | PEJABAT | 6 | 1 | 2 | 3 |
| 4 | BALAI POLIS | 2 | - | 1 | - |
| 5 | ASRAMA | 9 | 2 | 2 | 3 |
| 6 | KLINIK KESIHATAN | 7 | 3 | - | - |
| 7 | KLINIK CURE & CARE | 6 | - | - | - |
| 8 | DEPOT TAHANAN | 4 | - | - | - |
| 9 | BALAI BOMBA | 2 | 1 | - | - |
| 10 | GARAJ KENDERAAN | 1 | - | 2 | 1 |
| 11 | MASJID | 3 | - | 1 | - |
| 12 | SURAU | 4 | 1 | 2 | - |
| 13 | DEWAN | 7 | 2 | 2 | 3 |
| 14 | KEMUDAHAN SEKOLAH | 4 | - | - | - |
| 15 | KEMUDAHAN SUKAN | 6 | 3 | 3 | 1 |
| 16 | BENGKEL | 6 | 2 | - | - |
| 17 | PERPUSTAKAAN DESA | 2 | - | - | - |
| 18 | BANGUNAN RISIKO BENCANA | - | 2 | 1 | - |
| 19 | MAHKAMAH | - | 1 | - | - |
| 20 | TASKA | - | - | 1 | 1 |
| 21 | KOMERSIAL | - | - | 1 | - |
| 22 | STOR | - | - | 1 | 1 |
| 23 | KOMPLEKS PERPADUAN | - | - | 1 | - |
| 24 | INSTITUT LATIHAN | - | - | 1 | - |
| 25 | MAKMAL | - | - | - | 3 |
| 26 | HOSPITAL | - | - | - | 1 |
| 27 | MENARA LATIHAN | - | - | - | 3 |
| 28 | BLOK SOKONGAN | - | - | - | 1 |
| | **JUMLAH BESAR** | **100** | **20** | **30** | **30** |



# 28 KATEGORI PAP



# CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN REKA BENTUK PRE-APPROVED PLAN OLEH AGENSI/KEMENTERIAN

JKR (HOPT) kemukakan maklumat asas PAP yang bersesuaian (jika diperlukan)

**HOPT Berkenaan Menetapkan Opsyen penggunaan reka bentuk PAP:**

- reka bentuk PAP sediada yang bersesuaian tanpa pindaan
- reka bentuk PAP sediada dengan pindaan keluasan lantai bagi menepati keperluan brif projek
- reka bentuk PAP dengan pindaan fasad yang menepati konteks tempatan selaras dengan kehendak PBT.



# TEMPOH FASA PRA-PEMBINAAN PROJEK YANG MENGGUNAKAN REKA BENTUK PAP




**Nota:**

- Proses melaksanakan kerja ukur tapak, *soil test*, reka bentuk kerja luar bangunan dan pengemukaan kelulusan PBT perlu dilakukan ke atas setiap projek.
- Tempoh di atas tidak termasuk proses VM (value management) oleh KHEE.

# SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI BAGI PELAKSANAAN PROJEK YANG MENGGUNAKAN REKA BENTUK PRE-APPROVED PLANS(PAP) UNTUK DITENDER DALAM MASA 6 BULAN:

1. Brif projek yang lengkap dan disahkan dari pelanggan.
2. **Peruntukan yang telah disahkan dari pelanggan**
3. Value management (VM) telah selesai dilaksanakan oleh pelanggan
4. **Pelan ukur tapak telah siap disediakan oleh Juru Ukur Bertauliah dan diperolehi dari pelanggan**
5. Tapak projek tersedia dengan kemudahan utiliti
6. **Projek terdiri dari penggunaan jenis reka bentuk PAP sahaja tanpa penggunaan gabungan jenis reka bentuk lain.**
7. Tapak projek bebas dari halangan (contoh: tiada setinggan dan lain-lain)
8. Rekabentuk PAP tanpa pindaan